



LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG
PEKELILING KETUA PENGARAH BILANGAN 13 TAHUN 2010

**PELAKSANAAN MODUL PENGURUSAN SARAAN, FAEDAH DAN GANJARAN – SUBMODUL
PENGURUSAN CUTI.**

1. TUJUAN

Pekeliling Ketua Pengarah ini bertujuan menjelaskan tindakan yang perlu diambil dalam melaksanakan Modul Pengurusan Saraan, Faedah dan Ganjaran – Submodul Pengurusan Cuti dalam Sistem Maklumat Pengurusan Sumber Manusia (HRMIS) mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 12 Tahun 2005.

2. TAKRIF

“Pihak Berkuasa Berkanun”

Bermakna Lembaga Pertubuhan Peladang.

“Pegawai Awam”

Bermakna anggota atau penjawat yang menyandang jawatan dan berkhidmat dengan Lembaga Pertubuhan Peladang.

3. KEPUTUSAN

Adalah diputuskan bahawa menerima pakai Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2010 – Pelaksanaan Modul Pengurusan Saraan, Faedah Dan Ganjaran – Submodul Pengurusan Cuti.

4. TARIKH KUATKUASA

Pekeliling Ketua Pengarah ini berkuat kuasa mulai tarikh ia dikeluarkan.

Sekian, terima kasih

(DATO' MARIAM MAS BINTI YAACOB)

Ketua Pengarah

Lembaga Pertubuhan Peladang

Mei 2010

Edaran kepada:

- Semua Timbalan Ketua Pengarah
- Semua Pengarah Bahagian
- Semua Pengarah LPP Negeri
- Pengurus Cawangan Audit Dalam
- Ketua Cawangan Undang-Undang